

▼25/05/09-55MST

CNS6485

R GB 25-05 00180 BC231

bah mex

Hudud

NIK AZIZ RAYU DR MAHATHIR KAJI SEMULA KEPUTUSAN TAK IKTIRAF HUDUD PAS

KOTA BAHARU, 25 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat merayu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengkaji semula keputusan kerajaan persekutuan yang tidak mengiktiraf undang-undang mengenai hudud yang diluluskan Dewan Undangan Negeri Kelantan, November tahun lepas.

Semasa bercakap kepada Bernama selepas ceramah sempena sambutan Hari Raya Aidiladha di sini malam tadi, Nik Abdul Aziz berkata, Perdana Menteri wajar mengkaji semula keputusan itu atau PAS akan terus mendesak kerajaan pusat supaya membenarkan undang-undang itu dilaksanakan di Kelantan.

Dr Mahathir baru-baru ini berkata kerajaan persekutuan tidak mengiktiraf undang-undang yang digubal oleh Pas itu kerana ia tidak mencerminkan keadilan mengikut undang-undang Islam.

Nik Abdul Aziz berkata pelaksanaan hukum itu perlu "sebelum Allah menurunkan bala akibat kedegilan manusia" tanpa mengira sesiapa pun.

Katanya, tidak timbul bahawa hukum hudud yang diluluskan kerajaan Kelantan itu adalah hukum hudud PAS kerana terdapat banyak keterangan mengenai hukum itu dalam Al Quran. -- Lagi.

▼25/05/11-45MST

CNS6487

R GB 25-05 00153 BC232

bah mex

Hudud 2 (Akhir) Kota Baharu

"Saya telah membaca mengenai keterangan ayat-ayat Al Quran berhubung kewajipan melaksanakan hukum hudud, sebelum membentangkan draf undang-undang itu pada persidangan Dewan Undangan Negeri tahun lepas," katanya.

Ketika ditanya mengenai kedudukan undang-undang itu sekarang, katanya, kerajaan negeri menunggu reaksi selanjutnya daripada kerajaan pusat, dan berharap Perdana Menteri akan lebih bersifat terbuka.

Beliau berkata pemimpin-pemimpin kerajaan pusat perlu menerima undang-undang itu kerana adalah menjadi kewajipan kepada mereka yang beragama Islam untuk melaksanakannya.

Sebelum itu dalam ucapannya beliau berkata, kenyataan Dr Mahathir bahawa kerajaan persekutuan tidak mengiktiraf undang-undang itu kemungkinan dibuat setelah menerima pandangan pihak-pihak yang tidak faham mengenai hukum hudud.

Menurutnya, ia bukan mencerminkan keputusan kerajaan pusat seratus peratus, sebaliknya lebih menggambarkan hasil keputusan mesyuarat UMNO.

Kaedah hukum Allah tidak boleh dirombak, sebagaimana yang terkandung di dalam Al Quran, katanya. -- Bernama

MJ AZ.